

13 OCT 2003

OIC-Dinar/I

DINAR EMAS SEMAKIN MENDAPAT SOKONGAN AHLI PERNIAGAAN ASIA BARAT

Oleh: Roslan Ariffin

KUALA LUMPUR, 13 Okt (Bernama) -- Cadangan Malaysia bagi dinar emas diterima sebagai mata wang untuk perdagangan dua hala di kalangan negara Islam, semakin mendapat sambutan di peringkat antarabangsa dan yang terbaru dari kalangan ahli perniagaan Asia Barat.

Setiausaha Agung Dewan Perniagaan dan Perindustrian Islam Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Aqeel A. Al-Jassem berkata cadangan itu, sebagai alternatif bagi penggunaan mata wang untuk urusan pembayaran perdagangan, disokong oleh ahli perniagaan Asia Barat.

"Sebagai ahli perniagaan, kita tidak mempunyai masalah untuk menerima idea menggunakan dinar dalam perdagangan selagi kerajaan (negara Teluk) membenarkan dan menerimanya," katanya selepas menghadiri Seminar Perdagangan OIC di sini hari ini.

Seminar itu, yang diadakan sempena Sidang Kemuncak OIC ke-10 di Putrajaya, dirasmikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mencadangkan penggunaan dinar emas, sebagai satu instrumen untuk membayar perdagangan antarabangsa kerana ia merupakan satu "mata wang "yang stabil memandangkan ia mempunyai nilai intrinsik dan tidak terdedah kepada spekulasi.

Dr Mahathir juga berkata dinar emas adalah satu cara yang amat praktikal untuk menyelesaikan masalah kewangan yang melanda dunia hari ini.

Sementara itu, Naib Presiden Jabatan Perdagangan dan Dasar Bank Pembangunan Islam (IDB) Datuk Syed Jaafar Aznan berkata IDB turut menyokong idea penggunaan dinar emas dalam perdagangan.

Beliau berkata penggunaan dinar emas akan menjadi satu daripada topik yang akan dibincangkan semasa Sidang Kemuncak OIC.

Ditanya sama ada dinar emas akan tertakluk kepada kegiatan spekulatif, beliau berkata:"Ia lebih selamat daripada mata wang konvensional."

Syed Jaafar berkata jika dinar emas diterima oleh kebanyakan negara Islam, pembayaran perdagangan dua hala di peringkat antarabangsa akan berdasarkan kadar lazim pertukaran dinar emas.

"Ia tidak semestinya dalam syiling emas," katanya.

-- BERNAMA

RAR MKO RON